

24 SEP 1998

MSC-MAHATHIR/I

MSC MENGATASI SASARAN

KUALA LUMPUR, 24 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Multimedia Super Corridor (MSC) telah mencapai kemajuan lebih jauh daripada apa yang dijangkakan dari segi pelaburan dan pembangunan.

Kini terdapat 175 buah syarikat berstatus MSC dengan pelaburan melebihi RM3 bilion daripada 242 permohonan. Buat masa sekarang, sebanyak 109 sedang beroperasi.

Katanya angka itu mengatasi sasaran memandangkan MSC dijangka mempunyai 200 syarikat menjelang tahun 2000.

Dr Mahathir yang mempengerusikan mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC) di sini hari ini berkata bahawa majlis tersebut membincangkan masa depan negara dalam era teknologi maklumat.

Beliau juga berkata NITC telah mengeluarkan laporan penggal pertamanya hari ini di samping mengkaji pembentukan lima jawatankuasa mengenai e-masyarakat, e-khidmat awam, e-pelajaran, e-ekonomi dan e-kedaulatan.

Beliau juga menamakan anggota majlis baru bagi tempoh 1998-2001 yang terdiri daripada 25 orang dari pelbagai sektor di negara ini.

Perdana Menteri serta Tengku Datuk Dr Mohd Azzman Shariffadeen, Presiden MIMOS Bhd, akan kekal masing-masing sebagai pengerusi dan setiausaha NITC.

Anggota-anggota majlis yang lain ialah Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali, Editor Kumpulan New Straits Time Press Datuk Abdul Kadir Jasin, Presiden NeuroNet (M) Sdn Bhd Al-Ishsal Ishak, Pengerusi Putrajaya Corporation Tan Sri Azizan Zainul Abidin.

Yang lainnya ialah Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Hitechniaga Sdn Bhd Cheong Yuk Wai, CEO Kompleks Metrowangsa Sdn Bhd Dr Ghazali Atan, Presiden Persekutuan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) Prof Hamdan Adnan, Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara Datuk Lee Lam Thye.

Yang turut menganggotai majlis tersebut ialah Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie, Pengarah Third World Network Martin Khor, CEO Shell Malaysia Ltd Datuk Megat Zaharuddin Mohd Noor, Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Datuk Dr Mohd Munir Abdul Majid, Menteri Pendidikan Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak.

Yang lain ialah Naib Cancellor Universiti Malaysia Sarawak Prof Datuk Dr Mohd Zawawi Ismail, Menteri Kewangan II Datuk Mustapa Mohamed, Pengerusi Eksekutif Institut Strategik dan Kajian Antarabangsa (ISIS) Tan Sri Dr Noordin Mohd Sopiee.

Juga menganggotai majlis itu ialah Penasihat Sains kepada Kerajaan Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman, Pengerusi Eksekutif Multimedia Development Corporation Tan Sri Othman Yeop Abdullah, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Pengerusi Persatuan Industri Komputer Malaysia (PIKOM) Shaifulbahrim Saleh, Dekan Fakulti Sains Kemasyarakatan & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia Prof Dr Shamsul Amri Baharuddin, Naib Pengerusi Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Prof Datin Dr Sharifah Hapsah Shahabudin dan CEO Southern Bank Bhd Datuk Tan Teong Hean.

-- BERNAMA

SHO MA